

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI  
[BAGAN SERAI]**

**TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah peranan dan tindakan Lembaga Kebajikan Haiwan jika terdapat unsur-unsur penganiayaan dalam proses menangkap, mengangkut, mengurung serta melupuskan anjing-anjing yang dilakukan oleh PBT.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Lembaga Kebajikan Haiwan adalah suatu badan yang ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 3 Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772] yang bertujuan untuk mengawalselia tadbir urus penguatkuasaan Akta Kebajikan Haiwan 2015. Lembaga ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan dianggotai oleh ahli-ahli daripada pelbagai Kementerian/Jabatan yang berkepentingan.

2. Mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015 di bawah Seksyen 4 (1), Lembaga Kebajikan Haiwan hendaklah mempunyai fungsi-fungsi seperti yang berikut: -

## SOALAN NO : 17

- i. untuk memantau kerja-kerja persatuan atau badan yang ditubuhkan bagi maksud mencegah trauma, kesakitan atau penderitaan kepada haiwan;
- ii. untuk memantau kerja-kerja bagi perlindungan haiwan, termasuklah haiwan dalam rumah penyelamat, tempat perlindungan haiwan atau kawasan perlindungan;
- iii. untuk memantau keadaan tempat haiwan itu lemah atau memerlukan perlindungan;
- iv. untuk memberikan pendidikan berhubung dengan layanan berperikemanusiaan kepada haiwan dan untuk menggalakkan pembentukan pendapat umum berhubung dengan tindakan mengakibatkan trauma, kesakitan atau penderitaan kepada haiwan;
- v. untuk mempromosikan kebajikan haiwan melalui ceramah, buku, poster, pameran sinematografi, dan lain-lain; dan
- vi. untuk mentadbirkan, menguatkuasakan dan memastikan pelaksanaan Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang berkesan.

3. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah menyediakan garis panduan dan tatacara operasi piawai penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan PBT untuk dilaksanakan di kawasan PBT, Semenanjung Malaysia. Bagi negeri Sabah dan Sarawak penggunaan garis panduan tersebut adalah tertakluk kepada penerimaan Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana yang dipersetujui.

4. Sehubungan dengan itu, sekiranya terdapat bukti yang jelas unsur-unsur penganiayaan semasa menangkap, mengangkut, mengurung dan melupuskan anjing-anjing liar berkeliaran yang dilakukan oleh PBT, pihak atau individu boleh didakwa di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015. Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH  
[ PAYA BESAR ]**

**TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 18**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:

- (a) status terkini dan hasil dapatan Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) dan bilakah Kementerian akan membentangkannya di dalam Parlimen; dan
- (b) senarai Badan Bukan Kerajaan (NGO), wakil rakyat, individu berprofil tinggi, syarikat swasta, dan lain-lain pihak yang terlibat dalam memberi cadangan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN telah mengenalpasti mekanisme terbaharu bayaran balik pinjaman sepertimana yang telah disyorkan hasil daripada sesi konsultasi rakyat. mekanisme baharu ini akan diumumkan selepas mendapat kelulusan Jemaah Menteri.
- b) Sebanyak 139 pihak terlibat dalam memberi cadangan yang terdiri daripada agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), wakil rakyat, individu, syarikat swasta, dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**  
**[ BATU KAWAN ]**  
**TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 19**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kajian untuk meminda Akta Pendidikan untuk mewajibkan pelajar bersekolah sehingga peringkat SPM dan nyatakan pecahan pelajar yang tercicir (school drop out) di antara umur 13 hingga 17 tahun sehingga kini dan apakah pelan Kementerian untuk memastikan akses jarak dekat dan selamat untuk semua pelajar terutama di kawasan pedalaman dan luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan draf Draf Rang Undang-Undang (RUU) Pendidikan (Pindaan) – Pendidikan Wajib 11 Tahun kepada murid-murid bermula di sekolah rendah sehingga tamat sekolah menengah di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Walau bagaimanapun, draf RUU tersebut hanya akan dibentangkan di Parlimen setelah Laporan Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan selesai diteliti dan diambil kira oleh KPM.

Berhubung isu keciciran murid, statistik murid cicir di Malaysia menunjukkan trend yang menurun bagi peringkat sekolah menengah iaitu 1.50 peratus pada tahun 2016 berbanding 1.21 peratus pada tahun 2018. Bagi tahun 2018 sebanyak 0.29 peratus murid Tingkatan 1 pada tahun 2017 yang tidak meneruskan persekolahan ke Tingkatan 2.

## **NO. SOALAN: 19**

Sementara murid Tingkatan 2 pada tahun 2017 yang tidak meneruskan persekolahan ke Tingkatan 3 pada tahun 2018 adalah 0.53 peratus. Murid Tingkatan 3 pada tahun 2017 yang tidak meneruskan persekolahan ke Tingkatan 4 pada tahun 2018 adalah sebanyak 1.01 peratus. Walau bagaimanapun tiada murid yang cicir daripada Tingkatan 4 pada tahun 2017 dan mereka meneruskan persekolahan ke Tingkatan 5 pada tahun 2018.

Pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh KPM bagi membendung isu keciciran murid. Inisiatif Peningkatan Akses daripada Peringkat Prasekolah hingga Menengah Atas diwujudkan dengan tujuan meningkatkan enrolmen murid pelbagai peringkat persekolahan serta menangani masalah keciciran di sekolah. Inisiatif ini terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Pelbagai langkah telah diambil bagi mengurangkan kadar keciciran melibatkan sebelum penempatan murid dilaksanakan sehinggalah murid mendapat pendidikan di sekolah. KPM sedaya upaya berusaha untuk memastikan semua murid mendapat kemudahan akses jarak dekat dan selamat untuk ke sekolah. Sehubungan itu, KPM telah menggariskan satu Garis Panduan Penempatan Murid ke sekolah berdasarkan kriteria seperti berikut:

1. Alamat rumah dan lokasi ibu, bapa atau penjaga;
2. Murid Prasekolah sekolah berkenaan;
3. Berhampiran tempat kerja ibu, bapa dan penjaga;
4. Staf sekolah (guru atau kakitangan sekolah), dan
5. Terdapat adik-beradik yang bersekolah di sekolah tersebut

Antara usaha yang dilaksanakan oleh KPM bagi mengurangkan kadar keciciran termasuk menambah baik kemudahan asas, memperbanyakkan program motivasi, meningkatkan kesedaran ibu bapa, mewujudkan dan memperluas program bantuan seperti menyediakan Biasiswa Kecil Persekutuan, Rancangan Makanan Tambahan dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). KPM juga turut menyediakan pelbagai bantuan lain seperti pemberian buku teks secara percuma, Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Program Susu

## **NO. SOALAN: 19**

Sekolah, dan menyediakan khidmat guru kaunselor dan guru pemulihan untuk meningkatkan minat murid untuk meneruskan persekolahan. Selain itu Kerajaan turut menyediakan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) dan pembinaan asrama sekolah supaya semua kanak-kanak dapat kekal bersekolah bagi murid di kawasan pedalaman dan luar bandar.

KPM juga telah menyediakan satu garis panduan bagi membantu murid-murid yang berisiko untuk cicir iaitu Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC). GPMBC telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2018 ke semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Pemantauan serta intervensi pihak sekolah dapat dijalankan kepada murid berisiko cicir agar mereka kekal bersekolah hingga tamat Tingkatan 5. GPMBC ini juga mempunyai objektif bagi memastikan pemantauan murid khususnya murid berisiko cicir dapat dibuat oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah secara berterusan.

Terkini, satu program rintis bagi Program Sifar Murid Cicir (PSMC) telah dijalankan bagi satu JPN dan lima PPD. Objektif program ini ialah memberi intervensi berfokus bagi membantu murid cicir untuk kembali bersekolah. Dapatan rintis tahun 2018, PSMC ini berjaya mengembalikan 26.1 peratus murid peringkat sekolah menengah dan 25.7 peratus murid peringkat sekolah rendah untuk kembali meneruskan persekolahan mereka. PSMC ini akan terus diperluaskan ke semua PPD sebagai usaha KPM untuk membendung masalah keciciran dalam kalangan murid sekolah.

Sekian, terima kasih.